

**NO SOALAN: 363**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE [ BELURAN ]**

**NO SOALAN : 363**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [ Beluran ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh mana sambutan Hari Malaysia berjaya menyemarakkan semangat kenegaraan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Adakah Kementerian bercadang untuk menggilirkan penganjuran Hari Malaysia ini ke setiap negeri selain dari negeri Sabah dan Sarawak seperti yang lazim dilakukan.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menerusi Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) berterusan memupuk semangat patriotik dan menyampaikan konsep kenegaraan yang betul kepada segenap lapisan rakyat di negara ini melalui pelbagai platform siaran dan saluran TV dan Radio.
2. Untuk itu, RTM sentiasa memastikan bahan-bahan siaran TV dan Radio sama ada dalam bentuk drama, filem, bual bicara, pesanan khidmat masyarakat (PSA), lagu-lagu patriotik, promo, *talking points* DJ radio dan sebagainya mengandungi elemen semangat cintakan negara. Tidak terkecuali menyelitkan elemen patriotik dalam rancangan kanak-kanak dan animasi tempatan sebagai usaha menyemai semangat cintakan negara di peringkat awal.
3. Saban tahun, RTM menerusi saluran TV1 menyiarkan siaran langsung Hari Malaysia dari lokasi yang ditetapkan oleh kerajaan menggambarkan pentingnya untuk menyemarakkan semangat kenegaraan dalam kalangan rakyat Malaysia. Penglibatan seluruh rakyat Malaysia di dalam sambutan acara ini tanpa mengira agama, bangsa dan fahaman politik dalam dua sambutan iaitu Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia turut mencerminkan persefahaman, perpaduan dan semangat patriotisme yang tinggi dalam kalangan mereka.

4. Untuk itu diharapkan inisiatif yang dilaksanakan oleh RTM ini membantu di dalam usaha kerajaan dalam memupuk semangat patriotisme dan sayangkan negara melangkaui sempadan negeri termasuk Sabah dan Sarawak, seterusnya mengelakkan politik kebencian dan perpecahan kaum.
5. BERNAMA juga turut membantu menguar-uarkan sambutan Hari Malaysia dengan menghasilkan pelbagai berita bertemakan kenegaraan. BERNAMA juga mengeluarkan berita-berita dari Sabah dan Sarawak untuk menyemarakkan semangat kenegaraan.
6. Sementara itu melalui Jabatan Penerangan Malaysia pula, agensi ini turut giat melaksanakan kempen kenegaraan dan patriotisme bagi menerapkan budaya menyayangi dan mendaulatkan negara di kalangan rakyat Malaysia secara berterusan melibatkan pelbagai lapisan masyarakat, kaum dan agama.
7. Mesej yang diterapkan dalam program-program yang dilaksanakan meliputi semangat cintakan negara, kemakmuran dan keharmonian negara hanya boleh dicapai melalui perpaduan, bersikap matang dan bertoleransi di antara satu sama lain, berbudaya penyayang, beretika serta memberi sokongan padu terhadap usaha Kerajaan dalam membangunkan negara ke tahap yang lebih maju.
8. Mesej-mesej mengenai perpaduan dan semangat cintakan negara juga dipaparkan melalui billboard yang dipasang di kawasan-kawasan strategik di seluruh negara.

9. Tambahan lagi, bahan-bahan penerbitan mengenai kepentingan perpaduan, patriotisme, semangat cintakan negara turut diterbitkan dalam pelbagai bahasa utama iaitu Melayu, Cina dan India serta bahasa-bahasa tempatan di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang Dipertua,

10. Tiga acara utama yang berkisarkan kenegaraan akan dilaksanakan dalam bulan Ogos dan September tahun ini iaitu Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang pada awal Ogos; Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos; dan sambutan Hari Malaysia pada 16 September. Acara-acara utama ini disokong dengan pelbagai acara sampingan di peringkat negeri dan daerah.
11. Sambutan Hari Malaysia pada 16 September setiap tahun diadakan bagi meraikan pembentukan Persekutuan Malaysia dan memberikan impak terhadap semangat cintakan negara terutamanya ketika Perbarisan Hari Kebangsaan yang telah dilaksanakan sebelumnya.
12. Mengenai lokasi sambutan Hari Malaysia, tiada ketetapan dari pihak Kementerian berkenaan penggiliran diantara negeri Sabah dan Sarawak kerana pemilihan lokasi sambutan adalah ditentukan oleh Jemaah Menteri.